

29 MAR 2002

Mahathir-DEB/I

KEGAGALAN CAPAI MATLAMAT DEB AKIBAT TAMAK, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keinginan menjadi cepat kaya di kalangan beberapa orang tertentu telah menghalang usaha kerajaan mencapai hasrat mengagihkan kekayaan secara adil kepada pelbagai kaum di negara ini.

"Apabila kita berikan sesuatu kepada mereka, mereka jual kepada orang lain. Dapat share pun jual kat orang. Ini yang jadi masalah," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas ucapannya ketika merasmikan Konvensyen Barisan Nasional Selangor di sini hari ini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menyentuh isu-isu politik, sosial dan ekonomi seperti perpaduan dalam parti, pembangunan ekonomi dan pengagihan kekayaan.

Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan pada 1970 untuk membetulkan kedudukan ekonomi tidak seimbang di kalangan penduduk pelbagai kaum di negara ini. Apabila dasar itu tamat pada 1990, ia digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara.

Dr Mahathir berkata akibat kegagalan untuk meramalkan kewujudan "begitu ramai orang yang mahu menjadi kaya dengan begitu cepat", kerajaan tidak berjaya mencapai matlamat mengagihkan kekayaan secara saksama di akhir tempoh DEB.

Beliau juga diminta menghuraikan ucapannya bahawa masanya belum tiba bagi Barisan Nasional digabungkan sebagai sebuah parti pelbagai kaum.

Katanya perkara itu tidak boleh dilaksanakan sekarang kerana beliau khuatir kaum majoriti akan menguasai parti itu.

BN kini mempunyai 14 parti komponen.

-- BERNAMA

MAD MAI